Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana.**
- **Pertumbuhan eksport ekonomi serantau semakin lemah, dalam keadaan permintaan luaran yang lebih rendah dan kesan ketegangan perdagangan global yang berterusan.**
- **Volatiliti pasaran kewangan tercetus semula pada permulaan suku keempat, tetapi berkurang menjelang akhir tahun 2018.**

Pertumbuhan global meningkat pada kadar yang lebih sederhana

Ekonomi global terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana pada suku keempat 2018. Selain Amerika Syarikat (AS), ekonomi maju utama dan pasaran sedang pesat membangun mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana.

Dalam ekonomi maju, pertumbuhan yang bertambah baik dalam pasaran pekerja menyokong penggunaan swasta, apabila kadar pengangguran dan pertumbuhan upah kekal stabil. Indeks Harga Pengguna mencatatkan peningkatan yang lebih sederhana pada suku tersebut, berikutan kenaikan harga bahan api yang sederhana. Aktiviti pelaburan mencatatkan perkembangan yang lebih perlahan di kebanyakan negara. Rangsangan fiskal daripada langkah reformasi cukai pada tahun 2017 di AS semakin menyusut pada suku keempat 2018.

Tanda-tanda menunjukkan pertumbuhan yang sederhana berlaku serentak di rantau Asia. Republik Rakyat China (RR China) mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan apabila ekonominya menghadapi rintangan dari luar dan dalam negeri. Walau bagaimanapun, pelaburan infrastruktur di RR China meningkat sedikit menjelang akhir suku tersebut, mencerminkan sokongan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Aktiviti ekonomi global lebih sederhana pada S4 2018

Rajah 1: Pertumbuhan KDNK



*Merujuk kepada pertumbuhan KDNK 4Q18 tersirat berdasarkan unjuran tahunan IMF tahun 2018 kerana penutupan kerajaan telah menangguhkan pengeluaran data KDNK sebenar.

Sumber: Pihak berkuasa negara

Permintaan domestik di negara-negara Asia lain meningkat sederhana, kebanyakannya disebabkan oleh sokongan daripada pelaburan yang semakin menyusut dan permintaan luaran yang lebih rendah. Pertumbuhan penggunaan swasta terus mampan.

Prestasi eksport lebih sederhana pada S4 2018

Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)



Sumber: Bloomberg

Volatiliti pasaran kewangan lebih ketara

Rajah 3: Index Ketidaktentuan (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Pertumbuhan eksport lebih rendah

Permintaan luaran yang semakin lemah dan ketidakpastian yang timbul daripada tindakan perdagangan yang berterusan telah menjejaskan permintaan luaran bagi ekonomi serantau. Kebanyakan ekonomi serantau mencatatkan pertumbuhan eksport yang lebih rendah pada suku keempat 2018, mencerminkan penghantaran eksport yang semakin berkurang ke AS, Kawasan Euro dan RR China. Dari segi produk, pertumbuhan eksport serantau yang lebih rendah adalah disebabkan oleh keluaran elektrik dan elektronik, manakala harga komoditi yang lebih rendah juga menjejaskan prestasi eksport keseluruhan.

Volatiliti pasaran kewangan lebih tinggi

Volatiliti pasaran kewangan terus meningkat pada bulan Oktober, berikutan penjualan ekuiti di AS dan ekonomi pasaran sedang pesat membangun (EME). Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh dasar monetari yang ketat yang dilaksanakan di AS ekoran keuntungan korporat yang dilaporkan semakin rendah.

Yang nyata, keadaan kewangan di pasaran sedang pesat membangun terus ketat, berikutan aliran keluar modal yang berterusan di negara-negara Asia dan Amerika Latin. Gangguan perdagangan daripada kenaikan tarif AS dan spekulasi tentang langkah-langkah tindakan balas bukan tarif oleh RR China memburukkan lagi volatiliti pasaran kewangan pada suku keempat 2018, meskipun keadaan itu menjadi lega pada bulan Disember berikutan tariff yang dirancang telah digantung.

Harga purata minyak mentah Brent turun kepada USD69 setong pada suku keempat 2018 (S3 2018: USD76). Penurunan harga minyak mentah ini didorong oleh jangkaan terdapat lebihan bekalan minyak dunia apabila AS melaporkan pengeluaran minyak paling banyak dan pemberian pengecualian sekatan ke atas rakan perdagangan minyak Iran. Harga juga terjejas akibat kebimbangan terhadap kesan pertumbuhan global yang sederhana ke atas permintaan minyak.